

Headline	Tabung Haji tinjau peluang pelaburan baharu di Arab Saudi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	4	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	149 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,945
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,835



Tabung Haji tinjau peluang pelaburan baharu di Arab Saudi

MEKAH 23 Jun - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) sedang meninjau peluang pelaburan baharu di Arab Saudi bagi menjana pendapatan tambahan yang boleh digunakan untuk menampung kenaikan kos subsidi haji.

Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Johan Abdullah berkata, salah satu bidang yang berpotensi untuk diceburi adalah sektor hartanah.

Menurut beliau, Tabung Haji telah berbincang dengan sebuah syarikat pemaju hartanah Arab Saudi tentang bentuk kerjasama yang boleh dijalinan antara mereka.

"Syarikat terabit menunjukkan reaksi positif malah mereka sememangnya tahu Tabung Haji merupakan jenama yang kukuh.

"Kita akan terus mencari peluang-peluang pelaburan sebegini bagi menjana pulangan dan pendapatan," katanya dalam sidang akhbar bersama media Malaysia di sini hari

ini.

Yang turut hadir Pengurus Besar Kanan (Haji) Tabung Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman dan

Pengurus Besar Kanan (Kewangan Korporat dan Perkhidmatan), Rifina Md, Arif.

Berhubung subsidi haji, Johan menambah, secara keseluruhan, Tabung Haji menanggung kos sebanyak RM150 juta tahun ini dan jumlah itu menunjukkan peningkatan 16 peratus berbanding tahun lalu.

"Sebahagian besar daripada kos subsidi iaitu kira-kira 40.5 peratus digunakan untuk penginapan," jelasnya.

Beliau memberitahu, Tabung Haji juga telah mengadakan perbincangan dengan Hotel Al-Aqiq di Madinah berhubung penyediaan juadah Malaysia dalam sebuah restoran di premis berkenaan.

Johan berkata, pengurusan hotel yang terletak berhampiran Masjid Nabawi itu menyatakan persetujuan untuk mengambil tukang masak rakyat Malaysia bekerja di restoran tersebut. - UTUSAN

